



# SIARAN MEDIA

## AKEMEDIA 2024 IKTIRAF SUMBANGAN MEDIA BANTU MEREALISASI ASPIRASI KPKT DAN KERAJAAN MADANI

---

**KUALA LUMPUR, 29 November 2024 - Anugerah Kecemerlangan Media Tahun 2024 (AkeMedia 2024)** merupakan platform cetusan idea YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengiktiraf peranan dan sumbangan media- terhadap aspirasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kerajaan MADANI.

Sebanyak **lapan (8) kategori** telah dipertandingkan iaitu **Anugerah Khas YB KM, Anugerah Penyiaran Televisyen Terbaik, Anugerah Video Portal dan Dalam Talian Terbaik, Anugerah Penerbitan Artikel Terbaik, Anugerah Penyiaran Radio Terbaik, Anugerah Kewartawanan Foto Terbaik, Anugerah 'Content' Media Sosial Terbaik dan Anugerah Video Popular/ Pilihan.**

Bagi Anugerah Khas YB KM, pemenang bakal menerima wang tunai RM20,000, trofi dan sijil. Pemenang Anugerah Video Popular/ Pilihan pula akan menerima wang tunai RM3,000, trofi dan sijil. Manakala enam (6) kategori lain masing-masing menerima wang tunai RM3,000 untuk tempat pertama, RM2,000 tempat kedua dan RM1,000 tempat ketiga, trofi dan sijil.

AkeMedia 2024 telah menerima 231 penyertaan daripada 48 media tempatan, agensi media kerajaan dan media baharu. Penyertaan tertinggi diterima daripada Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA) iaitu sebanyak 47 penyertaan dalam pelbagai kategori.

Penjurian AkeMedia 2024 dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama Malaysia Press Institute (MPI) termasuk promosi dan publisiti, penentuan syarat-syarat pertandingan dan proses penjurian.

YB KM dalam ucapannya berkata "KPKT sentiasa menghargai peranan dan sumbangan pengamal media yang memberikan sokongan kepada program-program anjuran KPKT dan Kerajaan MADANI. Pelaporan berita seumpamanya amat penting bagi menyampaikan sesuatu maklumat kepada rakyat dengan cepat dan tepat. Saya berharap hubungan baik industri media negara dan KPKT dapat diteruskan demi kebaikan bersama,".

**Senarai nama pemenang bagi AkeMedia 2024 mengikut kategori adalah seperti berikut:**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pemenang</b>
1.	Anugerah Khas YB Menteri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)</li> <li>• Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)</li> <li>• Sin Chew Daily</li> </ul>
2.	Anugerah Penyiaran Televisyen Terbaik	<p><b>Tempat Pertama: TV9</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nur Izzatie binti Mohd Rizan</li> <li>• Mohd Jufri bin Mohd Judin</li> </ul> <p><b>Tempat Kedua: RTM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hamizah binti Mansor</li> </ul> <p>Tempat Ketiga: TV3</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Christine Lee Mei Chin,</li> <li>• Rishigeysannambiar a/l Sivasangaran</li> <li>• Rudiahdi bin Murdin @ Nurdin</li> <li>• Azizul bin Sufyan</li> <li>• Mohd Razi bin Ramli</li> <li>• Mohd Zahril bin Abdullah</li> </ul>
3.	Anugerah Video Portal/ Dalam Talian Terbaik	<p><b>Tempat Pertama : The Star</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ian Lau Yan Fun</li> <li>• Charanjeet Kaur a/p Harbhajan Singh</li> <li>• Carl Lew Cheng Teck</li> <li>• Elaine Cheng Xiao Funn</li> <li>• Juliana binti Mohd Fauzi</li> </ul>

		<p><b>Tempat Kedua: Sinar Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salmiah binti Druhamad Drahsin</li> <li>• Nor Fatin Fatimah binti Hussin</li> <li>• Mohd Rizal bin Mohd Rozy</li> <li>• Muhd Hafiz bin Adnan</li> <li>• Mohd Nasarudin bin Talkah</li> </ul> <p><b>Tempat Ketiga: Kelantan FM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad Ameerul Hafiz bin Mohd Rosli</li> </ul>
4.	Anugerah Penyiaran Radio Terbaik	<p><b>Tempat Pertama: BERNAMA Radio</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nur Syazwani binti Bakhtiar Azam</li> <li>• Mohd Hirzee bin Mohamad</li> </ul> <p><b>Tempat Kedua: RTM Negeri Perak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Norahidah binti Abdul Rahim</li> </ul> <p><b>Tempat Ketiga: Astro Radio News</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nicholas Darren John</li> </ul>
5.	Anugerah Penerbitan Artikel Terbaik	<p><b>Tempat Pertama: Harian Metro</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohd Alhafiz bin Ithnin @ Abdul Jabar</li> </ul> <p><b>Tempat Kedua: Sinar Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurul Nabila binti Ahmad Halimy</li> </ul> <p><b>Tempat Ketiga: Sinar Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nor Syamira Liana binti Nor Ashaha</li> </ul>
6.	Anugerah Kewartawanan Foto Terbaik	<p><b>Tempat Pertama: BERNAMA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohd Zulfadhli bin Zulkarnain</li> </ul> <p><b>Tempat Kedua: BERNAMA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad Mustaqim bin Khairuddin</li> </ul> <p><b>Tempat Ketiga: The STAR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohammad Azman bin Abdul Ghani</li> </ul>
7.	Anugerah 'Content' Media Sosial Terbaik	<p><b>Tempat Pertama: Sinar Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salmiah binti Druhamad Drahsin</li> <li>• Mohd Rizal bin Mohd Rozy</li> <li>• Muhd Syarin bin Khairi</li> <li>• Mohd Nasarudin bin Talkah</li> </ul>

		<p><b>Tempat Kedua: BERNAMA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasnah binti Jusid</li> </ul> <p><b>Tempat Ketiga: BERNAMA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohd Noor Iqram bin Rosli</li> </ul>
8.	Anugerah Video Popular	<p><b>Pemenang: Sinar Harian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salmiah binti Druhamad Drahsin</li> <li>• Mohd Rizal bin Mohd Rozy</li> <li>• Muhd Syarin bin Khairi</li> <li>• Mohd Nasarudin bin Talkah</li> </ul>

Turut hadir, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBrs.Puan Nur-UI Afida binti Kamaludin, Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA; YBhg. Datuk Mohd Efendi bin Omar, Ketua Pegawai Operasi Direct Solutions Media Prima Omnia; YBrs. Tuan Gopalakrishan M. Subramaniam, Ketua Pegawai Operasi Tamil Makkal; YBhg. Datin Paduka Esther's Ng Sek Yee, Ketua Pegawai Kandungan The STAR; YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampuan dan Perancangan Strategik) KPKT; dan YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT.

**#MalaysiaMADANI**

**#StrongerTogether**

**#DemiPertiwi**

**#UnityInDiversity**

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

